

NO. SOALAN : 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telahpun membuat permintaan rasmi (*submitted a formal request*) kepada kerajaan Australia untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar ke Malaysia. Sekiranya ya, sila nyatakan tarikh permintaan tersebut dibuat.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan masih dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia bagi mengekstradisi Koperal Sirul Azhar Umar ke Malaysia untuk menjalani hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan.
2. Proses ini memakan masa kerana ia bukan sahaja melibatkan hubungan diplomatik tetapi juga melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati.

Sekian, terima kasih.